

**PEJABAT BENDAHARI
KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN**

KUITTHO.PB/10.12/04 (04)

Tarikh: 8 Jun 2005

PEKELILING BENDAHARI BIL. 4/2005

Semua Pengurus Bahagian
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

Y. Bhg. Prof / Tuan / Puan,

**PEMBAYARAN HONORARIUM SEBAGAI FASILITATOR/PENGAJAR PROGRAM /
AKTIVITI KECEMERLANGAN AKADEMIK PELAJAR**

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai garis panduan pembayaran honorarium kepada staf universiti sebagai fasilitator/pengajar program/aktiviti kecemerlangan akademik pelajar Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Lembaga Pengarah Universiti yang bersidang pada 16 Mei 2005 di Mesyuarat LPU Bil. 16/2005 telah meluluskan garis panduan pembayaran honorarium kepada staf universiti sebagai fasilitator/pengajar program/aktiviti kecemerlangan akademik pelajar Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.
- 2.2 Program / aktiviti kecemerlangan akademik yang dimaksudkan ialah ***kelas-kelas pengukuhan mata pelajaran seperti Matematik, Fizik dan Kimia, kursus Foundation English untuk pelajar baru dan lain-lain program akademik yang berkaitan.***
- 2.3 Pada masa ini, Pusat Tanggungjawab yang menjalankan aktiviti tersebut di atas ialah Pusat Pengajian Sains dan Pusat Pengajian Komunikasi dan Kemanusiaan (PPKK).
- 2.4 Bagi tujuan pelaksanaan program berkaitan, tenaga fasilitator/pengajar adalah dari kalangan pengajar luar Universiti dan staf akademik KUITTHO sendiri.

3.0 PEMBAYARAN HONORARIUM

- 3.1 Pembayaran honorarium kepada staf akademik KUiTTHO yang dilantik sebagai fasilitator/pengajar sambilan akan dibayar seperti berikut:-
- 3.1.1 Bayaran honorarium sebanyak RM 50.00 sejam tertakluk kepada had maksimum RM1,500.00 sebulan sama ada kelas atau kursus tersebut diadakan pada hari bekerja biasa ataupun hari cuti.
 - 3.1.2 Sekiranya kelas atau kursus tersebut berjalan lebih dari 6 jam @ sehari, bayaran honorarium yang layak dibayar ialah RM 300.00 sehari sahaja tertakluk kepada had maksimum RM 1,500.00 sebulan.
 - 3.1.3 Pembayaran honorarium ini juga digunapakai untuk semua PTJ yang menjalankan program seumpamanya.
- 3.2 Kadar pembayaran tersebut di atas merupakan pembayaran secara pakej yang meliputi syarahan, kuiz, membina soalan, memeriksa skrip dan memasukkan markah, membina pengisian data berkomputer, mengeluarkan senarai nama dan laporan dan penyelarasan program pengukuhan kepada staf atau mereka yang dilantik.

4.0 KUATKUASA PEKELILING

Pekeliling ini berkuatkuasa sepenuhnya ***mulai Semester 1 Sesi 2005/2006*** dan dibaca bersama Pekeliling Perbendaharaan, Surat Pekeliling Perbendaharaan dan Arahan Perbendaharaan yang berkuatkuasa dimana bersesuaian.

Kerjasama dan perhatian pihak tuan adalah diharapkan agar dapat memanjangkannya kepada staf yang berkenaan mengenai perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Yang benar



.....
ABU BAKAR BIN HUSSAIN

Bendahari

Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

☎ 6007

- s.k
- 1. Yg. Bhg. Rektor
 - 2. Yg. Bhg. Timbalan Rektor (HEP)
 - 3. Yg. Bhg. Timbalan Rektor (Akademik)
 - 4. Ketua Unit Audit Dalam
- Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn***

